

## Peniaga diminta patuhi harga siling penutup hidung dan mulut

Published on: Tuesday, April 07, 2020

By: Sherell Jeffrey



**KOTA KINABALU:** Penutup hidung dan mulut terus menjadi antara barang yang mendapat permintaan sangat tinggi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memasuki fasa kedua.

Fasa itu menyaksikan sekatan yang ketat untuk membendung penularan pandemik Covid-19, yang mendorong lebih ramai pengguna beralih kepada kaedah pembelian dalam talian bagi penutup hidung dan mulut dan cecair pembasmi kuman.

Sehubungan itu, Ketua Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Taha Julai, sekali lagi meminta kerjasama daripada peruncit agar tidak mengambil kesempatan daripada keadaan kesihatan ketika ini dengan promosi mengelirukan atau menaikkan harga penutup hidung dan mulut.

Nasihat sama turut diberikan kepada penjual barang seumpamanya di atas talian.

Beliau berkata masih terdapat aduan mengenai mereka yang menjual penutup hidung dan mulut tiga lapisan pada harga RM1.75 sekeping walaupun kerajaan menetapkan harga siling RM1.50 sekeping.

Harga siling baharu bagi penutup hidung dan mulut ditetapkan pada RM1.50 sekeping, berkuat-kuasa 1 April lalu. Harga baharu itu lebih rendah berbanding RM2 sekeping, sebelum ini.

Beliau juga menyatakan bahawa ada juga keadaan di mana farmasi didakwa menawarkan pakej kombo iaitu penutup hidung dan mulut serta vitamin kepada pelanggan mereka.

"Keadaan sekarang sangat sukar. Orang ramai memerlukan penutup hidung dan mulut. Kami faham bahawa perniagaan juga cuba untuk terus hidup, tetapi mereka (perniagaan) tidak harus menggunakan taktik jualan sedemikian, seperti "memaksa" pengguna untuk membeli barang yang tidak perlu sebagai syarat untuk mendapat penutup hidung dan mulut," katanya kepada Harian Ekspres, di sini, Isnin.

Beliau berkata amaran telah dikeluarkan kepada pengendali perniagaan sedemikian dengan harapan mendapat kerjasama mereka.

Selain itu, Taha berkata KPDNHEP juga memberi tumpuan kepada bekalan dan harga makanan. Beliau memberi jaminan bahawa terdapat bekalan mencukupi bagi barang perlu, sambil menambah barang seumpamanya juga didapati dijual pada harga munasabah.

Beliau menggesa mereka yang mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan agar menghubungi pejabat mereka sama ada melalui e-aduan@kpdnhep.gov.my , Pusat Panggilan 1800 886 800, aplikasi telefon pintar Ez ADU atau bilik gerakan 03-88826245/6088.

Pengguna juga boleh menghubungi Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia di nombor 03-80008000, WhatsApp 019-2794317 atau berkunjung ke mana-mana pejabat cawangan KPDNHEP di seluruh negara.

Bagi Sabah, bilik operasi KPDNHEP di Kota Kinabalu boleh dihubungi melalui nombor telefon 088-484368, Sandakan (089-668107); Tawau (089-776690); Tuaran (088-787822); Kudat (088-615311); Keningau (087-338400); Lahad Datu (089-886090); Semporna (089-782866); dan Beaufort (087-222240).

<http://www.dailyexpress.com.my/news/150360/peniaga-diminta-patuhi-harga-siling-penutup-hidung-dan-mulut/>